

PENYATA PENGERUSI

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit Lion Forest Industries Berhad ("LFIB" atau "Kumpulan") bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2012.

PRESTASI KEWANGAN

Ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 5.1% pada tahun 2012 di sebalik kelembapan ekonomi global yang disebabkan oleh krisis hutang zon euro dan pemulihan yang berlaku secara tersekut-sekat dalam ekonomi Amerika Syarikat. Walaupun suku pertama 2012 mencatat pertumbuhan sederhana kepada 4.9%, pertumbuhan kukuh pada suku kedua sebanyak 5.4% telah memberi keyakinan tinggi bahawa ekonomi kita berupaya menangani cabaran persekitaran luar dan mengekalkan pertumbuhan sebanyak 4.5% - 5.0% bagi keseluruhan 2012. Permintaan kukuh domestik terus menyediakan sokongan terhadap aktiviti ekonomi, meskipun permintaan luaran berterusan lemah.

Selari dengan pengembangan dalam ekonomi Malaysia, aktiviti perniagaan teras Kumpulan iaitu pengedaran bahan binaan dan produk besi terus memperoleh manfaat daripada permintaan tinggi dalam industri pembinaan. Bagi tahun dalam kajian, perolehan Kumpulan meningkat sebanyak 12% kepada RM1.05 billion daripada RM0.93 bilion pada tahun sebelumnya.

Semasa tahun ini, Kumpulan menyelesaikan pelupusan Nanjing Jincheng Machinery Co Ltd, sebuah syarikat sekutu yang mengalami kerugian, dan merekodkan perolehan berjumlah RM30.7 juta. Syarikat sekutu kita yang lain, iaitu Lion Asiapac Limited dan Suzuki Motorcycle Malaysia Sdn Bhd, terus menyumbang secara positif kepada Kumpulan. Bagaimanapun, Kumpulan perlu mengiktiraf pembayaran secara sekali sahaja sebanyak RM40.0 juta untuk penyelesaian bagi tuntutan litigasi terhadap Sabah Forest Industries Sdn Bhd, sebuah bekas anak syarikat. Selepas rosot nilai kerugian dalam pelaburan saham yang disebut harga berjumlah RM17.1 juta, Kumpulan melaporkan keuntungan sebelum cukai yang rendah berjumlah RM25.1 juta berbanding RM39.0 juta pada tahun sebelumnya.

PERKEMBANGAN KORPORAT

- (i) Pada 3 Mac 2011, Syarikat mengumumkan cadangan berikut:
 - (a) Cadangan usahasama antara LFIB, Lion Industries Corporation Berhad dan Lion Diversified Holdings Berhad dalam Lion Blast Furnace Sdn Bhd ("LBF") dengan pegangan saham masing-masing sebanyak 20%, 29% dan 51%; dan

- (b) Cadangan LFIB mengadakan peruntukan bantuan kewangan yang memihak kepada LBF dalam bentuk jaminan korporat dan sandaran sekuriti mengikut kadar pemegangan sahamnya dalam LBF untuk kemudahan pinjaman yang akan diperolehi oleh LBF dan anak syarikatnya berkaitan projek relau bagas.

Pada 30 Ogos 2012, semua pihak menyatakan persetujuan secara bertulis untuk melanjutkan tempoh bersyarat selama 6 bulan lagi mulai 3 September 2012 kepada 2 Mac 2013. Cadangan-cadangan berkenaan masih tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham dan pihak berkuasa lain yang berkaitan.

- (ii) Pada 30 Disember 2011, Lion AMB Resources Berhad ("Lion AMB"), sebuah anak syarikat 88% milik LFIB, menyelesaikan pelupusan keseluruhan 48% kepentingan ekuitinya dalam Nanjing Jincheng Machinery Co Ltd melibatkan pertimbangan tunai berjumlah RMB120 juta (bersamaan RM58.8 juta).
- (iii) Pada 5 Oktober 2012, Kumpulan memeterai perjanjian jual beli bersyarat dengan pihak ketiga untuk memiliki 100% kepentingan ekuiti dalam PT Varita Majutama, sebuah syarikat yang diperbadankan di Indonesia, yang memiliki 52,641 hektar tanah pertanian di Wilayah Teluk Bintuni, Papua Barat, Indonesia, melibatkan pertimbangan tunai sebanyak AS\$63.8 juta (bersamaan RM197.6 juta).

Butiran penuh perkembangan korporat yang dinyatakan di atas terkandung dalam mukasurat 125 hingga 126 Laporan Tahunan ini.

TINJAUAN OPERASI

Bahan Binaan dan Produk Keluli

Seiring dengan pertumbuhan kukuh dalam sektor pembinaan tempatan, bahagian ini merekodkan pertumbuhan perolehan tinggi yang ketara sebanyak 13%. Perolehan direkodkan sebanyak RM0.96 bilion berbanding RM0.85 bilion yang dicatat pada tahun lalu.

Di sebalik kelembapan global dalam ekonomi kebanyakan negara maju serta langkah Bank Negara Malaysia untuk mengetatkan pemberian pinjaman harta tanah, sektor pembinaan terus menyaksikan pertumbuhan kukuh, dipacu oleh pelaksanaan besar-besaran pelbagai projek kejuruteraan awam dan infrastruktur di bawah Program Transformasi Ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan untuk merangsang permintaan domestik.

Bahagian ini peka terhadap cabaran yang mendatang, terutamanya ketidaktentuan mengenai pemulihan ekonomi Amerika Syarikat serta kesannya terhadap ekonomi tempatan dan akan mengambil langkah aktif untuk meningkatkan kecekapan operasi serta mengukuhkan kedudukan kewangannya.

Pelincir Petroleum dan Produk Automotif

Rangkaian pelanggan bengkel Bahagian telah diperkuuhkan lagi dengan usaha berterusan kita dalam pembangunan pengukuhan program kesetiaan pelanggan yang berkesan dan memberi tambah nilai kepada mereka. Program seperti pinjaman peralatan, Sistem Perniagaan Hi-Rev dan penebusan mata kesetiaan adalah skim yang telah menarik pelanggan kita untuk menjalin kerjasama dalam perniagaan mereka. Sehubungan dengan itu, Bahagian telah membuat pelaburan besar ke dalam inisiatif ini dan akan terus giat menggunakan pakai pendekatan tersebut untuk mengembangkan perniagaan.

Pada September 2011, kita telah menganjurkan Persidangan Teknikal ke-5 di Petaling Jaya, yang memberi perkembangan terkini industri automotif dan menerima maklum balas yang baik daripada para pelanggan. Terdapat perancangan untuk mengadakan persidangan ini secara tahunan kerana ia membuka peluang untuk memberi tambah nilai kepada pelanggan perniagaan dan membina hubungan jangka panjang dengan mereka.

Inisiatif kita untuk memudahkan operasi perniagaan bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap kepada para pelanggan sentiasa diutamakan. Sistem pesanan dan kutipan melalui laman sesawang membolehkan wakil jualan kita mengendalikan setiap pesanan serta bayaran dengan pantas adalah sesuatu yang positif. Kita berhasrat untuk meningkatkan proses ini dan juga bidang sokongan lain untuk membolehkan kita berhubung dan memberi respon kepada pelanggan dengan segera.

Sejak bertahun-tahun lalu, pasukan pengeluaran dan kawalan mutu kita telah menimba pengetahuan dan kepakaran luas dalam perniagaan pengeluaran pelincir auto. Disokong oleh kemudahan makmal yang lengkap untuk kawalan mutu dan penyelidikan, kita menjangkakan prospek yang besar dalam memenuhi keperluan pengeluar produk pelincir. Sehubungan dengan itu, kita sedang meluaskan keupayaan pengeluaran untuk merebut peluang daripada peningkatan permintaan bagi perkhidmatan seumpama itu. Dengan pelaburan dalam mesin putaran berkelajuan tinggi untuk proses mengisi dan memasang penutup serta memulakan pembesaran kilang, kita bersedia untuk perkembangan perniagaan ke dalam segmen ini.

DIVIDEN

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mencadangkan dividen tunai akhir sebanyak 2 sen sesaham dikecualikan cukai (2011: 3 sen sesaham, cukai pada 25%), bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2012 untuk kelulusan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Bayaran dividen tunai bersih akan berjumlah kira-kira RM4.6 juta (2011: RM5.2 juta).

Dividen tunai bersih yang dibayar dan boleh bayar bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

(Tahun kewangan berakhir 30 Jun)	Jumlah Dividen		
	2012		2011
	Cadangan	Bayaran Sebenar	Bayaran Sebenar
Interim/Khas:			
- Dividen Tunai (Cukai pada 25%)	-	-	20 sen
- Dividen Tunai (Dikecualikan cukai)	-	10 sen	10 sen
Akhir:			
- Dividen Tunai (Cukai pada 25%)	-	-	3 sen
- Dividen Tunai (Dikecualikan cukai)	2 sen	-	-

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Tanggungjawab Sosial Korporat

Kami memperakui pentingnya Tanggungjawab Sosial Korporat ("CSR") sebagai sebahagian daripada operasi perniagaan dan komited dalam menyokong inisiatif-inisiatif tersebut yang menambah baik masyarakat dan alam sekitar.

Masyarakat

Dalam menjalankan kegiatan perniagaannya, Kumpulan sentiasa peka akan tanggungjawabnya sebagai warga korporat dalam memberi sumbangan kepada masyarakat di samping meningkatkan keuntungan dan nilai pemegang saham. Kumpulan memberi tumpuan kepada usaha membantu masyarakat dalam bidang pendidikan dan penjagaan kesihatan melalui dua buah Yayasan yang ditubuhkan oleh Syarikat-syarikat Kumpulan Lion yang mana Kumpulan merupakan salah satu daripada ahlinya.

Yayasan Lion-Parkson mengagihkan dana untuk pelbagai tujuan seperti pendidikan, kebajikan dan penyelidikan saintifik; dan pada setiap tahun menawarkan biasiswa kepada bakal graduan universiti tempatan. Tabung Bantuan Perubatan Kumpulan Lion menyediakan bantuan kewangan kepada golongan yang kurang bernasib baik untuk mendapatkan rawatan perubatan termasuk pembedahan, pembelian peralatan perubatan dan ubat-ubatan. Tabung juga menaja program kesihatan kemasyarakatan seperti kem kesihatan dan pembelian mesin-mesin dialisis untuk Pusat Dialisis yang menawarkan perkhidmatan secara bersubsidi kepada pesakit buah pinggang.

Alam sekitar

Kumpulan amat prihatin terhadap isu alam sekitar dengan memberi penekanan kepada penggunaan teknologi terkini dan menerima pakai amalan perniagaan yang mesra alam, mengoptimumkan penggunaan sumber dan melaksanakan kecekapan tenaga. Operasi-operasi Kumpulan mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar yang diguna pakai oleh industri kendaliannya. Ini termasuk pengurusan pelepasan asap, pengurangan sisa buangan dan program pemuliharaan di kilang pengeluaran, dan memperkenalkan produk yang lebih cekap dan menjimatkan tenaga untuk dipasarkan oleh bahagian pengedaran.

PROSPEK

Meninjau kehadapan, persekitaran operasi bagi perniagaan Kumpulan dijangka kekal mencabar. Walau bagaimanapun, Kumpulan terus kekal berwaspada dan mengambil langkah proaktif untuk menghadapi cabaran berkenaan. Bahagian Bahan Binaan dan Produk Petroleum dijangka kekal menguntungkan dengan usaha lebih giat dilaksanakan bagi mengukuh dan mengembangkan rangkaian perniagaan serta kepelbagaian produk. Kumpulan akan terus meneroka dan mengenalpasti bidang pertumbuhan baru dalam usaha meningkatkan nilai pemegang saham.

LEMBAGA PENGARAH

Pada Mesyuarat Agung yang akan datang, Y. Bhg. Dato' Mohamad bin Haji Ahmad dan Cik Zainab binti Dato' Hj. Mohamed, masing-masing telah berkhidmat lebih daripada 9 tahun , akan bersara dan tidak memohon untuk dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat. Y. Bhg. Dato' Mohamad bin Haji Ahmad juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit dan pengerusi Jawatankuasa Pencalonan Syarikat. Cik Zainab binti Dato' Hj. Mohamed juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan pengerusi Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Eksekutif Syarikat. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas atas daya kepimpinan dan peranan penting mereka sepanjang tempoh perkhidmatan mereka sebagai ahli jawatankuasa Syarikat yang disebutkan di atas dan Pengarah Syarikat.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang saham, pembiaya, rakan perniagaan dan pelbagai pihak berkuasa kerajaan dan pihak berkuasa kawal selia atas sokongan dan keyakinan berterusan terhadap Kumpulan.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan ikhlas dan terima kasih kepada rakan Pengarah atas bimbingan, sokongan dan sumbangan yang tidak ternilai.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pengurusan dan warga kerja atas dedikasi serta komitmen mereka terhadap Kumpulan.

TAN SRI WILLIAM H.J. CHENG
Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

On behalf of the Board of Directors, it is my pleasure to present the Annual Report and Audited Financial Statements of Lion Forest Industries Berhad ("LFIB" or "the Group") for the financial year ended 30 June 2012.

FINANCIAL PERFORMANCE

The Malaysian economy continued to grow at a steady pace of 5.1% in 2011 despite the global economic slowdown brought about by the euro zone debt crisis and the faltering recovery in the United States ("US") economy. Although the first quarter of 2012 growth moderated to 4.9%, the strong second quarter growth of 5.4% has given rise to much optimism that our economy will be able to overcome the challenging external environment and sustain an overall growth of 4.5% - 5.0% for the whole of 2012. Strong domestic demand continues to provide support for economic activities even though external demand continues to weaken.

In line with the expansion in the Malaysian economy, the Group's core business activity of trading and distribution of building materials and steel products continues to benefit from the higher demand in the building and construction industry. For the year under review, the Group's revenue rose by 12% to RM1.05 billion from RM0.93 billion a year ago.

During the year, the Group completed the disposal of Nanjing Jincheng Machinery Co Ltd, a loss making associated company in China and recorded a gain of RM30.7 million. Our other associates *viz* Lion Asiacap Limited and Suzuki Motorcycle Malaysia Sdn Bhd, continued to contribute positively to the Group. However, the Group had to recognise a one-off settlement of RM40.0 million in respect of a litigation claim against Sabah Forest Industries Sdn Bhd, a former subsidiary company. After accounting for an impairment loss of RM17.1 million in respect of the Group's quoted investments, the Group reported a lower profit before tax of RM25.1 million against RM39.0 million last year.

CORPORATE DEVELOPMENTS

- (i) On 3 March 2011, the Company announced the following proposals:
 - (a) Proposed joint venture among LFIB, Lion Industries Corporation Berhad and Lion Diversified Holdings Berhad in Lion Blast Furnace Sdn Bhd ("LBF") with the shareholding of 20%, 29% and 51% respectively; and
 - (b) Proposed provision of financial assistance by LFIB in favour of LBF in the form of a corporate guarantee and pledge of security proportionate to its shareholdings in LBF to secure a loan facility to be obtained by LBF and its subsidiary company in relation to the blast furnace project.

On 30 August 2012, all parties had mutually agreed in writing to extend the condition period for a further period of 6 months from 3 September 2012 to 2 March 2013. The proposals are pending the approvals from the shareholders and other relevant authorities.

- (ii) On 30 December 2011, Lion AMB Resources Berhad ("Lion AMB"), an 88% owned subsidiary company of LFIB, completed the disposal of its entire 48% equity interest in Nanjing Jincheng Machinery Co Ltd for a cash consideration of RMB120 million (equivalent to RM58.8 million).
- (iii) The Group had on 5 October 2012 entered into a conditional sale and purchase agreement with third parties to acquire 100% equity interest in PT Varita Majutama, a company incorporated in Indonesia, which owns 52,641 hectares of land for plantation in Teluk Bintuni Regency, Papua Barat, Indonesia, for a cash consideration of USD63.8 million (equivalent to RM197.6 million).

Full details of the corporate developments mentioned above are contained in pages 125 to 126 of this Annual Report.

REVIEW OF OPERATIONS

Building Materials and Steel Products

In tandem with the strong growth in the local construction sector, the Division recorded a significantly higher revenue growth of 13%. Revenue stood at RM0.96 billion as against RM0.85 billion recorded last year.

Against a backdrop of global slowdown in the economies of most of the advanced countries as well as action taken by Bank Negara Malaysia to tighten lending for property loans, the construction sector continued to see strong growth, driven by the implementation of the various massive civil engineering and infrastructure projects under the Economic Transformation Programme and initiatives announced by the Government to spur domestic demand.

The Division is mindful of the challenges ahead, especially the uncertainties regarding the recovery of the US economy and its impact on the local economy, and will take active steps to improve operational efficiency and strengthen its financial position.

Petroleum, Lubricants and Automotive Products

The Division's network of workshop customers were further strengthened by our continuous effort in building strong customer loyalty programmes that are effective and add value to them. Programmes such as equipment on loan, Hi-Rev Business Systems and loyalty point redemption are schemes that have attracted our customers to partner with us in their business endeavours. In this regard, the Division had invested substantially into these initiatives and will continue to aggressively use this approach to enhance the business.

In September 2011, we had conducted our 5th Technical Conference in Petaling Jaya with updates on the automotive industry which received good response from our customers. There are plans to conduct the conference on a yearly basis as it is a good opportunity for us to add value to our customers' businesses and to build long term relationships with them.

Our initiative in simplifying business operations to serve our customers more efficiently is a key priority. The web ordering and collection system with which our sales representatives are able to expedite orders and payment has greatly facilitated our business. We intend to enhance these processes and also other support areas, to enable us to connect and respond to our customers promptly.

Over the years, our manufacturing and quality control teams have acquired wide knowledge and expertise in the auto lubricant production business. Supported by our fully facilitated laboratory in quality control and research, we foresee prospects in actively serving larger lubricant producers in their production needs. As such, we are currently embarking on expanding our production capacities to take advantage of the rising demand for such services. With our investment in a high speed rotary filling and capping machine this year and commencement of our plant extension, we are poised to tap the growth in this segment.

DIVIDEND

The Board of Directors is pleased to recommend a final cash dividend of 2 sen per share, tax exempt (2011: 3 sen per share, tax at 25%), in respect of the financial year ended 30 June 2012, for the approval of the shareholders at the forthcoming Annual General Meeting. Net cash dividend payable will amount to approximately RM4.6 million (2011: RM5.2 million).

Total cash dividend paid and payable in respect of the financial year is as follows:

(Financial year ended 30 June)	Total Dividend		
	2012		2011
	Proposed	Actual Paid	Actual Paid
Interim/Special dividends:			
- Cash Dividend (Tax at 25%)	-	-	20 sen
- Cash Dividend (Tax exempt)	-	10 sen	10 sen
Final:			
- Cash Dividend (Tax at 25%)	-	-	3 sen
- Cash Dividend (Tax exempt)	2 sen	-	-

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

Corporate Social Responsibility

We recognise the importance of Corporate Social Responsibility ("CSR") as an integral part of business and are committed to supporting CSR initiatives with positive social and environmental impact.

Society

In the course of conducting its business operations, the Group is mindful of its responsibilities as a corporate citizen in contributing to society while enhancing the bottom-line and shareholders' value. The Group is focused on helping the community to advance through education and medical care via the two Foundations established by the Lion Group of Companies of which the Group is a member.

The Lion-Parkson Foundation disburses funds for various needs such as education, charity and scientific research; and every year, offers scholarships to undergraduates in the local universities. The Lion Group Medical Assistance Fund provides financial assistance to the less fortunate who require medical treatment including surgery, purchase of medical equipment and medication. The Fund also sponsors community health programmes such as medical camps, and the purchase of dialysis machines for Dialysis Centres providing subsidised treatment to those suffering from kidney failure.

Environment

The Group seeks to uphold environmental concerns with emphasis on application of new technologies and industry best practices that are environmentally friendly, optimize the use of resources and promote energy efficiency. The Group's operations comply with the environmental laws and regulations governing the industries in which it operates. This includes emissions management and waste reduction and recovery programmes in its manufacturing plants, and introduction of more efficient and energy-saving products for sale by its trading division.

The Group subscribes to the safety, health and environmental regulations with a systematic approach reinforced by constant training and monitoring to ensure the safety and well-being of our employees.

PROSPECTS

Going forward, the operating environment for the Group's businesses is expected to remain challenging. Nonetheless, the Group will remain vigilant and take proactive steps to meet these challenges. Our Building Materials and Petroleum Products Divisions are expected to remain profitable with greater efforts made to strengthen and expand business network and product range. The Group will continue to explore and identify new growth areas in order to enhance shareholders' value.

BOARD OF DIRECTORS

At the forthcoming Annual General Meeting, Y. Bhg. Dato' Mohamad bin Haji Ahmad and Cik Zainab binti Dato' Hj. Mohamed, both of whom had served on the Board for more than 9 years, will be retiring and will not be seeking re-appointment as Directors of the Company. Y. Bhg. Dato' Mohamad also served as a member of the Audit Committee and the Chairman of the Nomination Committee of the Company while Cik Zainab had served as a member of the Audit Committee and the Nomination Committee, and the Chairman of the Remuneration Committee and the Executive Share Option Scheme Committee of the Company. On behalf of the Board, I would like to express my sincere appreciation for their invaluable contribution during their tenure as Directors of the Company and as members of the Company's aforementioned committees.

ACKNOWLEDGEMENT

On behalf of the Board of Directors, I wish to express our deepest appreciation to our shareholders, financiers, business associates and the various governmental and regulatory authorities for their continued support and confidence in the Group.

I would also like to convey my sincere appreciation and gratitude to my fellow Directors for their invaluable guidance, support and contribution.

Last but not least, my sincere thanks go to the management and staff for their dedication and commitment to the Group.

TAN SRI WILLIAM H.J. CHENG
Chairman

主席报告

我谨代表董事部，欣然提呈截至2012年6月30日的会计年度，金狮森林工业有限公司（LION FOREST INDUSTRIES BERHAD，简称“LFIB”）的常年报告及经审核财务报告。

业绩

尽管欧元区债务危机及美国经济复苏延缓造成全球经济放缓，但马来西亚经济在2011年内仍然持续稳健成长5.1%。虽然2012年首季的经济成长放缓至4.9%，第二季却取得5.4%的强劲成长，让人乐观地认为大马经济将能够克服外在环境的挑战，并在2012年全年维持4.5%至5.0%之间的成长率。虽然外在需求持续疲弱，但国内强大的需求仍可继续支撑经济活动。

与马来西亚经济成长的同步，本集团的建材和钢铁产品分销核心业务继续从建筑领域的更高需求中受惠。检讨年度内，本集团的营业额上扬12%至10亿5千万令吉，一年前则为9亿3千万令吉。

本集团在会计年度内完成脱售在南京金城机械公司的股权，取得3千零70万令吉的盈利。南京金城机械公司是本集团在中国蒙受亏损的联号公司。另一方面，我们其他的联号公司—金狮亚太有限公司（Lion Asiapac Limited）和馬來西亞鈴木摩多車有限公司（Suzuki Motorcycle Malaysia Sdn Bhd）继续为集团做出积极贡献。不过，本集团在一宗针对前子公司—沙巴森林工业私人有限公司（Sabah Forest Industries Sdn Bhd）有关的法律索赔，一次过拨出了4千万令吉。在计算本集团在上市股票的1千710万令吉投资减值损失后，本集团的税前盈利略为减少至2千510万令吉，去年则为3千900万令吉。

企业发展

- (i) 2011年3月3日，本公司宣布以下建议：
 - (a) 建议金狮森林工业有限公司、金狮工业机构有限公司（Lion Industries Corporation Berhad）与金狮多元化控股有限公司（Lion Diversified Holdings Berhad）各持20%、29%与51%的股权联营金狮高炉私人有限公司（Lion Blast Furnace Sdn Bhd，简称“LBF”）；及
 - (b) 金狮森林工业有限公司按其在LBF的股权比例，以企业保证及提供担保的方式为LBF提供财务协助，以便LBF及子公司能够为其高炉计划取得贷款便利。

- (ii) 2012年8月30日，各造一致书面同意将制约期限延长6个月，从2012年9月3日延至2013年3月2日。这些建议仍然有待股东与其他相关机构的批准。

- (iii) 2011年12月30日，金狮森林工业有限公司持有88%股权的金狮AMB资源有限公司（Lion AMB Resources Berhad），以1亿2千万人民币（约5千880万令吉）的现金代价，完成脱售其在南京金城机械公司持有的48%股权。

(iii) 金狮森林工业有限公司于2012年10月5日与有关卖方签署有条件买卖合约，以6千380万美元（约1亿9千760万令吉）的现金代价，收购PT Varita Majutama，一家在印尼注册成立的公司之100%股权。该公司在印尼西巴布亚的Teluk Bintuni Regency拥有5万2千641公顷作为种植用途的土地。

以上企业发展的详情陈列在本报告的第125页至126页。

业务检讨

建筑材料与钢铁产品

与本地建筑领域的强劲成长表现一致，本组创下13%显著更高的营业额成长，达到9亿6千万令吉，比较去年为8亿5千万令吉。

与全球大部分先进国经济成长放缓及国家银行紧缩产业贷款放贷措施的现象背道而驰，建筑领域继续取得强劲成长，主要归功于经济转型计划下推动的各项庞大土木工程与基建计划及政府为刺激国内需求而启动的各种措施。

本组对未来的挑战抱持谨慎态度，尤其是美国经济复苏所存在的变数及其对本地经济所产生的影响，将采取积极步骤来改善运作效率及加强财务状态。

石油、润滑油与汽车产品

随着我们持续努力建立客户忠诚计划，本组的修车客户网络获得进一步加强。相关的客户忠诚计划不断有效地为修车厂客户增值，包括器材外借、Hi-Rev商业系统及忠诚分数兑换等计划都不断吸引客户与我们结为伙伴，在商场上大展宏图。本组已投下重资在这些计划，并将继续积极采用这些方式来拓展业务。

2011年9月，我们在八打灵再也举办第五届技术研讨会，以传达汽车领域最新动态，获得了客户鼓舞的反应，因此我们计划每年都举办这项技术研讨会。我们视此为替客户业务提供增值服务的机会，以建立良好的长期关系。

我们精心简化业务运作，着重为客户提供更周到的服务。网络订货与取货系统表现积极，让我们的销售人员能够迅速地取得订货与收款。我们计划扩展这些程序及其他支援领域，让我们适时地与客户沟通并且及时的做回应。

这些年来，我们的生产与品质控制队伍在汽车润滑油业务方面，累积了丰富的经验与专业知识。在设备完善的试验室持续进行品质控制与研究的支持下，我们预见到为大型润滑油生产商提供服务以协助其应付生产需求方面拥有美好前景。因此，我们目前正在扩大生产设备以便从这类服务的日增需求中受惠。我们今年投资了高速轮转灌装和封口机器，并扩展工厂产能，为这个领域的业务成长做好准备。

股息

董事部欣然建议在截至2012年6月30日的会计年度派发每股2仙免税终期现金股息，（2011年：每股3仙，须扣25%税务），并在即将召开的常年股东大会上寻求批准。需付的净股息总额为460万令吉（2011年：520万令吉）。

(员截至6月30日会计年度)	股息总额		
	2012年		2011年
	建议	实际之付	实际之付
中期/特别股息			
- 现金股息（须扣25%税务）	-	-	20 仙
- 现金股息（免税税务）	-	10 仙	10 仙
终期			
- 现金股息（须扣25%税务）	-	-	3 仙
- 现金股息（免税税务）	2 仙	-	-

企业社会责任

我们意识企业社会责任的重要性，并把它视为公司治理框架中不可或缺的一部分，并将继续承诺支持可为社会与环境带来正面影响的企业社会责任的倡议。

社会

本集团在展开商业活动时，深切了解到作为企业公民的责任，在提高利润和股东企业价值的同时，也要回馈社会。作为金狮集团成立的两项基金的成员，本集团着重于通过这两项基金，以教育和医疗服务来回馈社会。

金狮百盛基金拨款供许多用途诸如教育、慈善和科学研究；每年都提供奖学金给在本地大学深造的在籍大学本科生。金狮集团医药援助基金则为迫切需要医疗的不幸社群提供财务援助，包括手术、购置医疗器仪和药物。这项基金也赞助社区保健计划如医疗营，并且添购洗肾机器给那些提供津贴治疗服务给肾病患者的洗肾中心。

环境

本集团寻求通过专注于采用全新技术与业界最具环保效益的准则来保护环境，充分利用资源与促进能源效益。本集团的业务运作完全严格遵守其所在领域的环境法律及条例管制。这包括排放管理、废料减少与重复使用计划，同时推出更有效和节能的销售产品。

本集团有系统地通过定期培训和有效的监管，来落实安全、卫生及环保条例，以确保员工的安全和福利获得照顾。

展望

展望未来，本集团业务的运作环境料仍然充满挑战。本集团将维持谨慎态度及采取主动方式来应付这些挑战。通过加强与扩展商业网络和产品系列，建筑材料与石油产品组料保持盈利。与此同时，本集团将寻找与鉴定能够加强股东价值的新商业机会。

董事部

在行将召开的常年股东大会上，Y. Bhg. Dato' Mohamad bin Haji Ahmad 和 Cik Zainab binti Dato' Hj. Mohamed 将荣休并不寻求重新被选为本公司董事。两人已在本公司担任了9年的董事。Y. Bhg. Dato' Mohamad 是本公司审核委员会的委员及提名委员会的主席，而 Cik Zainab 却是担任本公司审核委员会和提名委员会的委员，以及薪酬委员会和执行雇员股份认购权计划委员会的主席。我谨代表董事部，真诚感谢他们在担任本公司董事和以上委员会的委员期间所作的贡献。

鸣谢

我谨代表董事部，衷心感谢珍贵的股东、金融界、商业伙伴及各政府与执法机构对本集团的持续支持与信心。

我也要至诚感谢董事同仁，感谢他们所给予的珍贵指导、支持与贡献。

最后，我要真诚地感谢管理层和全体职员对集团尽忠职守和为工作献身的精神。

主席
丹斯里钟廷森